



Kertas Perbincangan

Kemungkinan menubuhkan kasino di Pulau Christmas

Pengenalan

Pihak-pihak yang terjejas, termasuklah komuniti Pulau Christmas, dipelawa memberi komen tentang hal-hal yang berkaitan dengan kemungkinan menubuhkan sebuah kasino di Pulau Christmas. Komen yang diterima daripada pihak-pihak yang terjejas dan komuniti akan digunakan, mungkin untuk menyusun sebuah usul yang akan dipertimbangkan oleh Kerajaan Australia.

Kerajaan Australia memahami nilai melibatkan komuniti mengenai hal-hal yang berkaitan dengan kasino, dan mahukan pelbagai sudut pandangan untuk menyokong hasil yang lebih baik bagi Pulau Christmas.

Kerajaan juga akan berunding dengan kerajaan Negeri dan Wilayah, dan juga dengan pakar-pakar bidang.

Kertas ini menyediakan maklumat latar belakang yang akan digunakan dalam perbincangan dengan komuniti, yang akan diadakan di Pulau Christmas dari 6 hingga 9 hari bulan November 2018. Kertas ini juga membentangkan gambaran keseluruhan faktor-faktor yang mungkin mempengaruhi penubuhan kasino di Pulau Christmas serta beberapa persoalan yang perlu dipertimbangkan.

Serahan bertulis mengenai hal-hal yang berkaitan dengan kasino di Pulau Christmas boleh dibuat dengan menggunakan borang yang dilampirkan ini ([Lampiran A](#)). Hantarkan serahan anda secara e-mel ke: indianoceanterritories@infrastructure.gov.au

Serahan mesti sampai kepada kami pada atau sebelum **14 November 2018**.

Hasil perundingan awal ini akan dicatatkan dan laporan akan disediakan untuk komuniti kemudian pada tahun ini juga.

1. Minat terhadap kasino di Pulau Christmas

Kerajaan Australia sedia maklum akan minat yang ditunjukkan oleh komuniti untuk menubuhkan sebuah kasino di Pulau Christmas. Sejak tahun 2013, beberapa laporan Jawatankuasa Parlimen mengesyorkan agar lesen kasino dikeluarkan semula untuk menyokong ekonomi tempatan, termasuklah:

1. Jawatankuasa Bersama Tetap tentang Australia Utara dalam *Northern Horizons – Unleashing our Tourism Potential* (Jun 2018), dan
2. Jawatankuasa Bersama Tetap tentang Ibu Negara dan Wilayah Luar dalam *Governance in the Indian Ocean Territories - Interim Report: Economic Development* (Jun 2015).

Dalam laporan-laporan ini, beberapa wakil komuniti telah menyatakan bahawa sebuah kasino di Pulau Christmas dapat menyediakan pekerjaan, menambahkan aktiviti ekonomi, dan menggiatkan sektor pelancongan. Wakil-wakil lain pula bimbang bahawa kasino tidak sehaluan dengan nilai-nilai murni yang didukung oleh komuniti di situ.

2. Konteks sejarah kasino di Pulau Christmas

Sebuah kasino telah beroperasi di Pulau Christmas dari tahun 1993 hingga 1998 di dalam perkarangan sebuah pusat peranginan yang bernama Christmas Island Resort. Pusat peranginan kasino ini disasarkan pada golongan penjudi kaya raya yang berkunjung dari Asia Tenggara. Kerajaan Australia menyediakan visa jangka pendek yang khas untuk para pelawat ke Pulau Christmas bagi memudahkan kunjungan klien antarabangsa.

Pusat peranginan kasino ini telah berjaya melonjakkan ekonomi Pulau Christmas, termasuklah:

1. mengambil khidmat kira-kira 350 kakitangan (sepertiga daripada mereka ialah pemastautin tetap di Pulau Christmas)
2. menambahkan bilangan penduduk (pada kemuncak operasi, dianggarkan seramai 2,600 orang tinggal di pulau ini)
3. menyokong perniagaan di pulau, misalnya restoran, pasar raya dan pengendali pelancong, dan
4. mengendalikan perkhidmatan udara yang tetap ke bandar-bandar utama di Asia Tenggara.

Pada tahun 1998, kasino tersebut tidak lagi beroperasi atas sebab-sebab komersial.

Pada tahun 2005, Kerajaan Australia memansuhkan *Ordinan Kawalan Kasino 1988 (CI)*, dan *Akta Suruhanjaya Perjudian dan Pertaruhan 1987 (WA)(CI)* pula dikuatkuasakan. Akta ini melarang penubuhan kasino di Pulau Christmas serta menghapuskan rejim kawal atur dan pelesenan.

Sejak kasino yang lama itu ditutup di Pulau Christmas, beberapa faktor alam sekitar telah berubah, termasuklah:

1. kemunculan kelas menengah yang semakin berkembang di Asia
2. pertambahan bilangan kasino, termasuklah kasino yang disasarkan pada golongan penjudi kaya raya, di Australia dan di Asia Tenggara
3. pertambahan bekalan produk perjudian dalam talian, dan
4. kawalan sempadan yang diperkukuh akibat suasana keselamatan yang semakin berubah di situ.

3. Konteks ekonomi di Pulau Christmas

Ekonomi mempengaruhi segala aspek kehidupan dalam sesebuah komuniti, daripada pekerjaan sehinggalah pendidikan, bilangan penduduk dan infrastruktur. Apabila mengkaji pilihan yang ada bagi pembangunan ekonomi, kita mesti mempertimbangkan sama ada setiap pilihan itu realistik dan dapat bertahan, serta kesan yang mungkin ditinggalkannya terhadap budaya, gaya hidup dan persekitaran di pulau.

Ekonomi tempatan Pulau Christmas bergantung pada dua industri utama pada masa ini, iaitu *perlombongan fosfat dan perkhidmatan kerajaan*.

- Phosphate Resources Limited, syarikat perlombongan di Pulau Christmas, memaklumkan bahawa mereka akan dapat meneruskan operasi perlombongan yang berdaya maju sehingga penghujung dekad 2020-an.¹
- Pusat Tahanan Imigresen beralih kepada kedudukan 'kontingensi panas' (boleh dibuka dengan notis 72 jam) pada 1 Oktober 2018. Beberapa kakitangan kerajaan telah meninggalkan pulau, dan beberapa perkhidmatan yang berkait dengannya, termasuklah perkhidmatan dua minggu sekali pesawat (Pusat Tahanan Imigresen), akan dihentikan tidak lama lagi.

Ekonomi tempatan perlu dipelbagaikan dan peluang perlu dicari untuk membangunkan industri-industri yang dapat bertahan.

Telah diambil maklum bahawa perundingan yang penting tentang peluang mempelbagaian telah dijalankan melalui proses Rancangan Strategi Pulau Christmas yang akan disiarkan kemudian pada tahun ini.



'Pempelbagaian' ekonomi Pulau Christmas bermaksud menambahkan bilangan industri yang menyokong ekonomi tempatan dan mewujudkan pekerjaan. Apabila terdapat berbilang industri yang menyokong ekonomi, kesan negatif akibat penutupan satu industri dapat dikurangkan.

4. Tanggungjawab Kerajaan

Jika sebuah kasino ditubuhkan di Pulau Christmas, Kerajaan Australia akan berganding bahu dengan kerajaan Negeri dan Wilayah yang berkenaan, komuniti Pulau Christmas dan rakan-rakan yang lain untuk memastikan bahawa apa jua risiko yang ada akan diuruskan dengan betul dan seterusnya dikurangkan.

Kerajaan bertanggungjawab memastikan langkah-langkah mengurangkan mudarat dilaksanakan untuk melindungi golongan yang paling mudah terjejas dalam sesebuah komuniti. Untuk melaksanakan langkah-langkah sedemikian, lesen kasino mungkin dikenakan syarat yang mewajibkan, antara lainnya, caruman ke dalam tabung manfaat komuniti.

5. Proses dan langkah-langkah seterusnya yang akan dipertimbangkan oleh Kerajaan Australia tentang kasino di Pulau Christmas

Maklum balas anda akan digunakan untuk menyusun sebuah usul yang akan dipertimbangkan oleh Kerajaan Australia. Usul tersebut akan membentangkan manfaat dan cabaran yang dijangka berkait dengan penubuhan kasino di Pulau Christmas. Usul ini juga akan menggunakan maklumat yang

¹ Sumber CI, Laporan Tahunan 2018

diperoleh daripada perundingan dengan kerajaan Negeri dan Wilayah, dan juga dengan pakar-pakar bidang.

Antara faktor yang akan dipertimbangkan ialah langkah memastikan peraturan yang bersesuaian digubal untuk mengawal perjalanan kasino, kesan sosial dan budaya yang mungkin ditinggalkan oleh kasino terhadap komuniti, dan cara yang terbaik untuk menanganinya. Infrastruktur sokongan yang diperlukan untuk menubuhkan kasino juga akan dikaji dengan rapi.

Sungguhpun keputusan mendapatkan lesen kasino adalah tanggungjawab sektor swasta, namun usaha juga akan diambil untuk menganalisis daya maju perniagaan kasino dari segi ekonomi.

Jika sesuatu usul disokong, sebuah rejim undang-undang dan peraturan baharu akan diadakan sebagai asas untuk mengeluarkan lesen kasino untuk Pulau Christmas. Undang-undang bagi rejim baharu ini akan dikemukakan kepada Parlimen.

Proses pasaran terbuka menerusi tender akan dilaksanakan untuk mengeluarkan lesen kasino, dan kajian penelitian kewangan akan dijalankan terhadap setiap bakal penyokong untuk memastikan daya maju dan keutuhan operasi kasino yang dicadangkan ini dari segi komersial. Para penyokong akan dikehendaki menyertakan penilaian kesan ekonomi dan sosial yang menyeluruh dalam usul masing-masing. Jabatan ini akan menilai kelebihan setiap usul secara bandingan, berserta maklumat daripada pakar-pakar bebas dan agensi-agensi Komanwel yang lain.

Apa pendapat anda?

- 1. Secara amnya, adakah anda menyokong penubuhan kasino di Pulau Christmas? Mengapa? Mengapa tidak?**
- 2. Bagaimanakah kasino mungkin bermanfaat bagi Pulau Christmas? Bagaimanakah manfaat ini dapat ditingkatkan?**
- 3. Pada pendapat anda, apakah contoh amalan terbaik penubuhan kasino?**
- 4. Jika kasino ditubuhkan, apakah jenis kemudahan yang ingin anda lihat disertakan? Adakah terdapat jenis kemudahan/perkhidmatan tertentu yang anda rasa tidak patut dibenarkan?**
- 5. Jika kasino ditubuhkan, adakah anda rasa kasino itu akan mengubah pelancongan di Pulau Christmas? Jika ya, bagaimana?**
- 6. Apakah cabaran atau kesan negatif yang mungkin dihadapi oleh komuniti jika kasino beroperasi di Pulau Christmas? Adakah anda bimbang tentang kesannya terhadap persekitaran dan ciri-ciri sosial komuniti ini? Adakah terdapat langkah-langkah yang boleh mengurangkan kebimbangan anda?**
- 7. Jika kasino diwajibkan mencarum ke suatu tabung manfaat komuniti, apakah yang ingin anda lihat terangkum dalam tabung manfaat komuniti ini?**
- 8. Jika kasino ditubuhkan, apakah syarat-syarat (jika ada) yang anda rasa patut dikenakan terhadap pengendali kasino itu?**
- 9. Anda ingin memberikan komen lain?**